

NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010
NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

The Personal Data Protection Act 2010 (the “Act”), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to **Superdough Sdn. Bhd.** (Company Registration No.: 1079878-W) (“Breakout”). For the purpose of this written notice (this “Notice”), the terms “personal data” and “processing” shall have the same meaning as prescribed in the Act.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta” tersebut) yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, terpakai kepada Superdough Sdn. Bhd. (Company Registration No.: 1079878-W) (“Breakout”). Untuk tujuan notis bertulis ini (“Notis” ini), terma-terma “data peribadi” dan “pemprosesan” mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam Akta tersebut.

Consent/ Persetujuan

1. This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by Breakout or on Breakout’s behalf when Breakout collects your personal data from any of the sources referred to in paragraph 4 below. You hereby give your consent to the processing of your personal data by Breakout.

Notis ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak Breakout apabila Breakout mengumpul data peribadi anda dari mana-mana sumber yang disebut dalam perenggan 4 di bawah. Anda dengan ini memberikan persetujuan anda bagi pemprosesan data peribadi anda oleh Breakout.

Description of personal data/ Perihal data peribadi

2. Breakout may collect a variety of your personal data including but not limited to your name, date of birth, company name, photographs, Malaysian Identification Card number, e-mail address, address, contact number, credit card details, bank account details, other personal data you submitted to Breakout through any software or system developed and/or operated by Breakout, including without limitation Breakout’s website at <http://www.breakout.com.my> and www.breakoutescapegame.com (the “System”) and all other personal data Breakout again collects from you on any subsequent occasion.

Breakout mungkin mengumpul pelbagai data peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, tarikh lahir, nama syarikat, gambar, nombor Kad Pengenalan Malaysia, alamat e-mel, alamat, nombor telefon, butiran kad kredit, maklumat akaun bank, data peribadi lain yang anda hantar kepada Breakout melalui mana-mana perisian dan sistem yang dibangunkan dan/atau dikendalikan oleh Breakout, termasuk tetapi tidak terhad kepada laman web Breakout di <http://www.breakout.com.my> dan www.breakoutescapegame.com (“Sistem” tersebut) dan semua data peribadi lain Breakout sekali lagi kumpul daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya.

Purpose / Maksud

3. Your personal data is being or is to be collected and further processed for any of the following purposes (“Purposes”):

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya untuk mana-mana maksud-maksud yang berikut (“Maksud-maksud” tersebut):

- (a) Performing Breakout’s pre-contractual and contractual obligations with you;
melaksanakan obligasi pra-kontrak dan kontrak dengan anda;
- (b) granting you access to the System;
memberikan anda akses kepada Sistem tersebut;
- (c) providing you with information on products and/or services offered by Breakout, Breakout’s related corporations and/or Breakout’s business partners;
memberikan anda maklumat tentang produk dan/atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Breakout, perbadanan-perbadanan berkaitan Breakout dan/atau rakan perniagaan Breakout;
- (d) providing you with any services and/or information offered through the System;
memberikan anda man-mana perkhidmatan dan maklumat yang ditawarkan melalui Sistem tersebut;
- (e) providing Breakout’s products and/or services to you;
memberikan produk dan/atau perkhidmatan Breakout kepada anda;
- (f) verifying and carrying out financial transactions in relation to payments made by you to Breakout;
mengesahkan dan melaksanakan transaksi kewangan berkenaan dengan bayaran yang dibuat oleh anda kepada Breakout;
- (g) communicating with you, responding to your inquiries and resolving disputes;
berhubung dengan anda, menjawab pertanyaan anda dan menyelesaikan pertikaian;
- (h) conducting internal activities, market surveys and trend analysis;
menjalankan kegiatan dalaman, tinjauan pasaran dan analisis kecenderungan;
- (i) improving Breakout’s services, content and advertising;
meningkatkan perkhidmatan, kandungan dan pengiklanan Breakout;

- (j) informing you about any offers and/or promotions offered by Breakout, Breakout's related corporations and/or Breakout's business partners;
memberitahu anda tentang sebarang tawaran dan/atau promosi yang ditawarkan oleh Breakout, perbadanan-perbadanan berkaitan dengan Breakout dan/atau rakan perniagaan Breakout;
- (k) conducting other legitimate business activities;
menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan sah lain;
- (l) complying with any legal or regulatory requirements and for security reasons; and
memenuhi apa-apa kehendak undang-undang atau kawal selia dan atas sebab-sebab keselamatan; dan
- (m) such other purposes directly related to any of the foregoing.
maksud-maksud lain yang berhubungan secara langsung dengan mana-mana perkara di atas.

Source of personal data/ sumber data peribadi

4. Your personal data is being or is to be collected (i) from the cookies, (ii) when you use, access or log in to the System; (iii) when you contact Breakout through various methods; (iv) when you submit your personal data to Breakout for any of the Purposes; (v) when you enter into any transactions with Breakout ; (vi) when you submit any inquiries to Breakout, participate in Breakout's customer surveys or sign up for any of Breakout's competitions or promotions; (vii) from video recordings from close circuit security surveillance cameras and audio recordings; and/or (viii) from all other information that you may provide Breakout from time to time.

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan (i) dari cookies, (ii) apabila anda menggunakan, mengakses atau log masuk ke dalam Sistem tersebut; (iii) apabila anda menghubungi Breakout menerusi pelbagai kaedah; (iv) apabila anda menghantar data peribadi anda kepada Breakout untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut; (v) apabila anda memeterai sebarang transaksi dengan Breakout; (vi) apabila anda mengemukakan sebarang pertanyaan kepada Breakout, menyertai kaji selidik pelanggan Breakout atau apabila anda mendaftar diri untuk mana-mana peraduan atau promosi yang dianjurkan oleh Breakout; (vii) dari rakaman video dibuat melalui kamera litar tertutup atas sebab-sebab keselamatan di premis Breakout dan rakaman audio; dan/atau (viii) dari semua maklumat lain yang anda berikan kepada Breakout dari masa ke semasa.

Photographs/ Gambar

5. Breakout may take photographs of you during your visit to Breakout's premises and the photographs taken may be published by Breakout in Breakout's premises or on social media platforms owned or managed by Breakout. You hereby grant your consent to Breakout publishing photographs in the above described manner.

Breakout boleh mengambil gambar anda semasa anda melawat ke premis Breakout dan Breakout boleh menerbitkan gambar yang diambil oleh Breakout di premis Breakout atau di platform media sosial yang dimiliki atau diuruskan oleh Breakout. Anda dengan ini memberikan persetujuan anda kepada Breakout menerbitkan gambar anda seperti yang dinyatakan di atas.

Access to, correction of and limiting the processing of personal data/ Akses kepada, pembetulan terhadap dan had pemprosesan data peribadi

6. You have the right to (i) subject to paragraph 7 below, request access to and correction of your personal data; and (ii) make any inquiries or complaints in respect of your personal data (including requesting Breakout to limit the processing of your personal data only for specific Purposes or to completely cease the processing of your personal data) by contacting Breakout through Breakout's contact details set out below:

Anda berhak untuk (i) tertakluk kepada perenggan 7 di bawah, meminta akses kepada dan pembetulan terhadap data peribadi anda; dan (ii) membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda (termasuk meminta supaya pemprosesan data peribadi anda dihadkan untuk mana-mana Maksud yang tertentu atau pemprosesan data peribadi anda dihentikan sama sekali) dengan menghubungi Breakout melalui butir-butir hubungan Breakout di bawah:

Postion/Perjawatan:	Public Relations Department
Telephone No./No. Telefon:	(603) 2276-3705
E-mail address Alamat E-mel:	info@breakout.com.my

7. Subject to provisions of the Act:

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut:

- (a) you may, upon payment of a prescribed fee, make a data access request in writing to Breakout; and

anda boleh, setelah membayar fi yang ditetapkan kepada Breakout, membuat suatu permintaan mengakses data secara bertulis kepada Breakout; dan

- (b) Breakout may refuse to comply with a data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of Breakout's refusal and the reasons of such refusal.

Breakout boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data dan hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan tersebut dan sebab-sebab bagi keengganan tersebut.

Disclosure of personal data/ Penzahiran data peribadi

8. Breakout disclose or may disclose your personal data to Breakout's related corporations, business partners, service providers including but not limited to those directly related to the delivery of the products and/or services which you purchased from Breakout, Breakout's financial and professional advisors, banks, governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies and/or any such third party requested or authorized by you.

Breakout menzahirkan atau boleh menzahirkan data peribadi anda kepada perbadanan berkaitan dengan Breakout, rakan-rakan perniagaan Breakout, pembekal-pembekal perkhidmatan Breakout termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal perkhidmatan yang berkaitan secara langsung kepada penghantaran produk dan/atau perkhidmatan yang dibeli oleh anda daripada Breakout, penasihat kewangan atau profesional Breakout, bank, jabatan-jabatan dan/atau agensi-agensi kerajaan, badan-badan kawal selia dan/atau berkanun dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda.

Third party personal data/ data peribadi pihak ketiga

9. Breakout may require your assistance if the personal data relating to other persons is required to process your personal data for any of the Purposes and you hereby agree to use your best endeavors to assist Breakout when required. In the event that personal data of any third party is to be supplied by you to Breakout, you shall ensure that such third party has read this Notice and consented to Breakout collecting his/her personal data for any of the Purposes prior to the supply of his/her personal data to Breakout.

Breakout boleh menghendaki bantuan anda jika data peribadi yang berhubungan dengan pihak ketiga adalah dikehendaki oleh Breakout untuk memproses data peribadi anda bagi mana-mana Maksud-maksud tersebut dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk membantu Breakout apabila dikehendaki. Jika anda akan memberikan data peribadi pihak ketiga kepada Breakout, anda hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga tersebut telah membaca Notis ini dan bersetuju dengan pemprosesan data peribadinya untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut sebelum anda memberikan data peribadinya kepada Breakout.

Obligatory personal data/ Data peribadi wajib

10. The personal data Breakout collects can be either obligatory or voluntary. Obligatory personal data are those that Breakout requires in order to provide you with Breakout's products and/or services. If you do not provide Breakout with all obligatory personal data, Breakout will not be able to provide you with Breakout's products and/or services. Obligatory personal data will be indicated in the relevant forms.

Data peribadi yang Breakout kumpul boleh dikategorikan sebagai sama ada wajib diberikan atau diberikan secara sukarela. Data peribadi yang wajib diberikan ialah data peribadi yang Breakout perlukan supaya Breakout dapat memberikan produk dan/atau perkhidmatan Breakout kepada anda. Jika anda tidak memberikan Breakout kesemua data peribadi wajib tersebut, ia akan menyebabkan produk dan/atau perkhidmatan yang diminta oleh anda tidak dapat diberikan oleh Breakout. Data peribadi yang wajib diberikan akan ditandakan dalam borang-borang yang berkenaan.

Transfer of personal data to places outside Malaysia/ Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia

11. Breakout may transfer your personal data to a place outside Malaysia and you hereby give your consent to the transfer.

Breakout boleh memindahkan data peribadi anda ke sesuatu tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda terhadap pemindahan tersebut.

Accuracy of your personal data/ Ketepatan data peribadi

12. You are responsible for ensuring that the information you provide to Breakout is accurate, complete, not misleading and kept up to date.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada Breakout adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

Conflict/ Konflik

13. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Sekiranya terdapat apa-apa ketidak-konsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.